



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 4 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	OKU TULAR DI MEDIA SOSIAL SUDAH DIBERI PERHATIAN, ADA BANTUAN BULANAN – ADUN BEHRANG		POSITIF
	https://umno-online.my/2025/07/03/oku-tular-di-media-sosial-sudah-diberi-perhatian-ada-bantuan-bulanan-adun-behrang/	UMNO-ONLINE.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736883/edisi/perak/maipk-sahkan-lelaki-oku-tular-terima-bantuan-sejak-2016#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://gempak.com/berita-terkini/video-lelaki-oku-tular-dibantu-individu-ada-plot-twist-penduduk-kampung-tampil-beri-penjelasan-terdapat-sedikit-salah-faham-99862	GEMPAK.COM	
	https://thevocket.com/kisah-abang-oku-kaki-sentuh-hati-netizen-kaki-palsu/	THEVOCKET.COM	
	https://gempak.com/berita-terkini/video-individu-bantu-lelaki-oku-di-tepi-jalan-buat-netizen-sebak-kalau-encik-tak-tolong-saya-mungkin-99843	GEMPAK.COM	
	https://weirdkaya.com/kind-msian-man-offers-ride-to-hungry-oku-in-rain-only-to-learn-he-has-no-food-electricity-or-family-left/	WEIRDKAYA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MALAYSIA SEDIA PERKUKUH KERJASAMA PENJAGAAN WARGA EMAS		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1236780/malaysia-sedia-perkukuh-kerjasama-penjagaan-warga-emas?source=widget	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	MAHB TAMBAH 'CALM ROOM' DI TERMINAL 2, KLIA		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2025/07/mahb-tambah-calm-room-di-terminal-2-klia/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KANAK-KANAK PARAH DILANGGAR LARI, SAKSI AWAM DIMINTA TAMPIL BANTU SIASATAN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/03/kanak-kanak-parah-dilanggar-lari-saksi-awam-diminta-tampil-bantu-siasatan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/kanak-kanak-parah-dilanggar-lari-saksi-awam-diminta-tampil-bantu-siasatan/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PERNAH JADI MANGSA KEGANASAN RUMAHTANGGA, KINI DIGANGGU GARA-GARA HUTANG BEKAS SUAMI. ELLIZA RAZAK AKUI TERTEKAN		POSITIF
	https://www.mingguanwanita.my/pernah-jadi-mangsa-keganasan-rumahtangga-kini-diganggu-gara-gara-hutang-bekas-suami-elliza-razak-akui-tertekan/	MINGGUANWANITA.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	GANGGUAN SEKSUAL MASIH MENGHANTUI ATLET WANITA?		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/gaya/2025/07/gangguan-seksual-masih-menghantui-atlet-wanita/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KEPALA KANAK-KANAK DUA TAHUN TERSEKIT PADA BESI PENGHADANG		NEUTRAL
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2440874	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736830/edisi/utara/kepala-kanak-kanak-tersekit-besi-penghadang-taska	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	PEMANDU LORI DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP ANAK KANDUNG		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemandu-lori-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak-kandung/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1415336/pemandu-lori-didakwa-3-pertuduhan-amang-seksual-fizikal-terhadap-anak?source=widget	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	BAPA DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL, SEKS LUAR TABII TERHADAP ANAK 12 TAHUN		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/736896/berita/semasa/bapa-didakwa-lakukan-amang-seksual-seks-luar-tabii-terhadap-anak-12-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	BEKAS PELUMBA BASIKAL NEGARA DIDAKWA AMANG SEKSUAL PELATIH PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1415248/bekas-pelumba-basikal-negara-didakwa-amang-seksual-pelatih-perempuan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736811/berita/semasa/bekas-jaguh-lumba-basikal-didakwa-amang-seksual-pelatih-bawah-umur	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2440783	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/03/jurulatih-berbasikal-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelatih-bawah-umur/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/jurulatih-berbasikal-dituduh-amang-seksual-pelatih/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=-z4XtaGi7Is	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1236598/beka-s-atlet-negara-tak-mengaku-laku-amang-seksual-terhadap-pelatih	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/03/jurulatih-berbasikal-didakwa-amang-seksual-pelatih-remaja-perempuan/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/jurulatih-basikal-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelatih-bawah-umur-HP14398816	THESUN.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/jurulatih-berbasikal-didakwa-amang-seksual-pelatih-remaja/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/03/bekas-jaguh-lumba-basikal-dituduh-serang-seksual-pelatih-bawah-umur	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/03/ex-national-cyclist-claims-trial-to-sexually-harassing-minor	FREEMALAYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	LESEN JURULATIH DITUDUH AMANG SEKSUAL DIGANTUNG		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/sukan/lesen-jurulatih-dituduh-amang-seksual-digantung/	BULETINTV3.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-sukan/kes-amang-seksual-pkbm-gantung-lesen-nur-effandy-527797	ASTROAWANI.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/07/03/bekas-pelumba-basikal-negara-didakwa-amang-seksual-pelatih-bawah-umur-pkbm-gantung-lesen	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/736853/berita/sukan/lesen-jurulatih-berbasikal-dituduh-amang-seksual-digantung	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/03/pkbm-gantung-lesen-effandy/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2440901	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/sport/cycling/2025/07/03/mncf-boss-amarjit-says-effandy039s-coaching-license-suspended-until-trial-is-over?utm_source=chatgpt.com	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



OKU Tular Di Media Sosial Sudah Diberi Perhatian, Ada Bantuan Bulanan – ADUN Behrang

3 July 2025

Berita Utama

KUALA LUMPUR, 3 Julai – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Behrang, Salina Samsudin memaklumkan pihaknya sentiasa peka dengan kebajikan rakyat di kawasan terutama mereka yang kurang bernasib baik.

Beliau berkata ini termasuk membabitkan individu bernama Jefree Regan yang viral di media sosial ekoran bantuan diberikan seorang pempengaruh.



Salina memaklumkan, sebelum ini pihaknya sudah membantu Jefree mendaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan menerima bantuan secara bulanan.

Dalam pada itu Salina turut memaklumkan Pusat Khidmat ADUN juga turut membantu meliputi kewangan dan kotak makanan di samping sumbangan oleh Pegawai Khas Menteri Besar, Zaidi Aziz.

"Saya menerima maklumat berkenaan video tular yang melibatkan Jefree Regan. Ramai yang berkongsi video

tersebut dengan pelbagai reaksi dan persoalan.

"Untuk makluman semua, Jefree merupakan individu Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal berdaftar dengan JKJ sejak tahun 2013, selepas mengalami kecederaan kekal akibat kebakaran yang menyebabkan kehilangan kaki kirinya.

"Beliau pernah menerima Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) namun bantuan tersebut ditamatkan apabila beliau mula menerima bantuan tetap daripada Baitulmal sebanyak RM400 sebulan, iaitu melebihi jumlah bantuan BTB. Beliau juga turut menerima bantuan beras secara berkala," katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Beliau dalam pada itu berkata pihaknya juga sentiasa terbuka menerima cadangan serta saluran bantuan yang ingin disampaikan kepada individu yang memerlukan.

"Perlu dimaklumkan ini bukan kali pertama (Jefree Regan) tular. Saya amat menghargai keprihatinan masyarakat.

"Namun dalam berkongsi dan menyebar sesuatu, marilah kita sama-sama menjaga maruah dan sensitiviti insan lain. Biarlah niat membantu disalurkan dengan penuh hikmah dan kasih sayang," ujar beliau. – *UMNO Online*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Malaysia sedia perkukuh kerjasama penjagaan warga emas

Mahaizura Abd Malik

mahaizura@mediaprima.com.my



DELEGASI ASEAN+Republic of Korea (ROK) bergambar kenangan bersama pegawai dan kakitangan Woodrose Senior Residences.

Kuala Lumpur: Malaysia sedia memperluas dan mengukuhkan kerjasama dengan negara Blok Asean dan Korea Selatan dalam bidang penjagaan warga emas.

Perkara itu dizahirkan semasa lawatan khas delegasi Asean+Republic of Korea (ROK) ke Woodrose Senior Residences, di sini, baru-baru ini.

Pengarah Eksekutif Woodrose Healthcare Sdn Bhd Gary Lim berkata, lawatan sempena Persidangan Asean+ROK bertujuan memberikan gambaran menyeluruh dan memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam bidang penjagaan warga emas.

Menurutnya, lawatan ini juga menjadi bukti kepada kepentingan kerjasama serantau dalam memperkasa kualiti hidup warga emas serta memperkukuh amalan terbaik dalam bidang penjagaan warga emas.

"Woodrose Senior Residences, sebuah pusat jagaan warga emas patuh syariah, berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan menawarkan penjagaan komprehensif serta perkhidmatan sokongan dalam kehidupan harian.

"Fokus utama Woodrose Senior Residences untuk memastikan kesejahteraan, maruah dan kualiti hidup penghuni terpelihara melalui pelbagai sokongan dari aspek perubatan, pemulihan dan sosial," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, delegasi diketuai Ketua Pengarah Biro Dasar Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Korea Selatan, Kwak Sunheon disambut Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dr R Satish.

Delegasi dibawa melawat sekitar fasiliti bagi memberi peluang mereka melihat sendiri suasana mesra penghuni serta kemudahan disediakan.

Mereka turut diberi penerangan mengenai aspek perubatan dan pemulihan serta penjelasan tentang sokongan kesihatan ditawarkan serta program rawatan pemulihan dan penjagaan pencegahan yang dijalankan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MAHB tambah 'Calm Room' di Terminal 2, KLIA



Oleh NURIN NABILAH MAHMUD 3 Julai 2025, 5:15 pm

PETALING JAYA: Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) membuka satu lagi Bilik Tenang (Calm Room) di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi menyokong keperluan penumpang yang memerlukan suasana tenang dan mesra deria.

Kemudahan itu merupakan lanjutan kepada inisiatif The Butterfly Effect, yang diperkenalkan pada 2021 sebagai usaha membantu penumpang yang mempunyai autisme, ADHD, kelewatan perkembangan global (GDD) dan lain-lain.

Pengarah Urusan Malaysia Airports, Datuk Mohd. Izani Ghani, langkah itu sejajar dengan komitmen syarikat untuk mewujudkan lapangan terbang inklusif dan bebas halangan serta melatih pekerja mereka agar lebih memahami dan membantu dalam segala urusan.

"Kami komited untuk menjadikan inklusiviti sebagai standard di semua lapangan terbang kami. Peluasan The Butterfly Effect mencerminkan komitmen ini dengan menyediakan pengalaman perjalanan yang bebas halangan serta menyokong penumpang yang mempunyai penyakit seperti autisme dan sebagainya.

"Kami bukan sahaja menyediakan kemudahan fizikal, tetapi juga melatih petugas barisan hadapan agar mampu memahami serta membantu pelbagai keperluan penumpang dengan lebih empati," katanya dalam kenyataan.

Tambah beliau, lebih 4,450 penumpang telah mendapat manfaat menerusi perkhidmatan yang disediakan sejak pelancaran The Butterfly Effect.

MAHB turut bekerjasama dengan pelbagai agensi termasuk Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), Lembaga Pengiktirafan Penganalisis Kelakuan Gunaan (QABA), Pusat Autisme IDEAS (IAC) dan Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Bilik Tenang di Terminal 2 itu terletak di Aras Mezanin (3A) dan dilengkapi pencahayaan boleh laras, panel dinding deria, sistem keselamatan serta alat terapi seperti tiub gelembung, lampu gentian optik dan audio menenangkan.

Dalam pada itu, patung beruang edisi khas akan diberikan kepada 50 pengguna pertama bilik tersebut. —UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak parah dilanggar lari, saksi awam diminta tampil bantu siasatan

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 3 Julai 2025, 7:52 pm



GAMBAR HIASAN

SEPANG – Seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun parah disyaki dilanggar lari sebuah motosikal ketika melintas jalan di Hadapan Uptown Puchong Night Bazar, di sini, Khamis lalu.

Dalam kejadian pukul 11.30 malam itu, mangsa sebelum itu dipimpin oleh ibunya melintas jalan sebelum dirempuh motosikal jenis Yamaha Y15.

Bagaimanapun, penunggang motosikal terbabit bertindak melarikan diri sejurus kejadian itu.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Norhizam Bahaman ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan berkata, pihaknya kini giat mengesan pemilik motosikal berkenaan.

"Mangsa kini masih tidak sedarkan diri dan sedang dirawat di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Kami dimaklumkan, mangsa baharu sahaja menyambut ulang tahun kelahiran pada malam kejadian," katanya ketika dihubungi.

Berdasarkan rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian, mangsa bersama ahli keluarganya dilihat berjalan menuju ke tempat letak kereta sebelum insiden itu berlaku.

Justeru, saksi awam diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi Penolong Pegawai Penyiasat Trafik Ibu Pejabat Daerah (IPD) Sepang, Sarjan Ungku Fairuz di talian 011-21004106. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pernah Jadi Mangsa Keganasan Rumahtangga, Kini Diganggu Gara-Gara Hutang Bekas Suami. Elliza Razak Akui Tertekan



Kita sering menyangka wanita kuat itu tidak pernah menangis. Tapi realitinya, wanita yang paling kuat adalah mereka yang pernah runtuh dalam diam, pernah disakiti oleh orang yang paling dipercayai, namun tetap memilih untuk bangkit demi anak-anak dan dirinya sendiri.

Ibu kisah menyentuh hati pelakon dan bekas peserta Akademi Fantasia 3, Elliza Razak, tampil berkongsi sisi paling perit dalam hidupnya, menjadi mangsa keganasan rumah tangga, selama hampir satu dekad!



Diuji Sejak Tahun Keempat Perkahwinan

Perkahwinan yang dibina sejak tahun 2011 tidak semanis yang disangka. Di sebalik senyum manis dan kehadiran dua cahaya mata, Elliza sebenarnya sedang bergelut dalam diam. Bermula sekitar tahun 2015, episod hitam itu menyapa dia mula menjadi mangsa gara-gara suami sendiri.

"SAYA PERNAH DITOLAK, DITAMPAR, DIHERET KELUAR BILIK... WAKTU TU SAYA TENGAH MENGANDUNG ANAK KEDUA. ANAK SAYA NAMPAK SEGALANYA. DIA MENJERIT TENGOK SAYA KENA. JERITAN DIA MASIH TERNGIANG-NGIANG SAMPAI SEKARANG."

Bagi Elliza, msa malu dan takut itu terlalu besar untuk dikongsi. Tidak laporan polis dibuat, tidak keluarga yang diminta datang menyelamatkan. Semuanya disampen sendiri.



Pegang Pesan Ibu, Bertahan Demi Keluarga

Bertahan dalam rumah tangga toksik, Elliza mempunyai sebab tersendiri mengapa dia bertahan.

"Mak saya pernah pesan, kalau Elliza boleh ubah dia, besar pahala. Saya pegang kata-kata tu. Saya tak nak kecewakan mak dan ayah. Keluarga tahu saya tak bahagia, tapi saya teruskan juga."

Kata-kata itu cukup menunjukkan bagaimana wanita sering meletakkan orang lain lebih penting daripada dirinya sendiri. Bertahan demi anak, demi keluarga, demi imej rumahtangga, hingga akhirnya mengorbankan diri sendiri tanpa sedar.

"Saya fikir hati semua orang, tapi saya lupa diri saya."



Setelah bertahun-tahun menahan derita, Elliza akhirnya memilih untuk keluar dari hubungan toksik itu. Pergerakan yang berlaku tahun lalu bukan mudah, tetapi ia adalah permulaan kepada kehidupan yang lebih sihat untuk dirinya dan anak-anak.

Namun begitu, perpisahan bukan penamat kepada perjuangan. Elliza perlu berdepan pula dengan simptom trauma dan anxiety, kesan daripada pengalaman lalu.

"BUKAN MUDAH. TAPI SAYA TAHU SAYA PERLU SEMBUH, UNTUK ANAK-ANAK. UNTUK SAYA."

Diganggu Gara-Gara Hutang Bekas Suami

Menerusi satu hantaran di Instagram, Elliza atau nama penuhnya Elliza Abdul Razak, 36, menegaskan bahawa dia kini tidak mempunyai sebarang hubungan dengan lelaki berkenaan selepas mereka sah bercerai.

SAYA SUDAH BERCERAI DAN SAYA TIDAK ADA KENA MENGENA LAGI DENGAN BEKAS SUAMI SAYA. SAYA SENDIRI PUN TIDAK TAHU DIA TINGGAL DI MANA SEKARANG. TOLONG JANGAN CARI SAYA. SAYA TAK TAHU APA-APA TENTANG HUTANG DIA.

Elliza mengaku tertekan dan terganggu apabila kerap menerima mesej daripada individu yang didakwa sedang mencari bekas suaminya untuk menagih hutang.



**MALAYSIA
MADANI**

"Tubape pertama mulai berlatih dengan senam bagi memperkokoh mereka dengan pengetahuan mengenai penderaan dan gangguan seksual. Antaranya membolehkan pencapaian mereka sama ada meningkat atau sebaliknya sebagai antara petanda jika perkara tidak diingin berlaku. Atlet perlu diberikan pendidikan. Gambar atlet gimnastik apabila itu diteliti sebelum diizinkan kepada arena arena," katanya.

"tunggulmakan bukit pula sangat subur di bawah alita ini karena mangsa tidak tahu bagaimana hendak mencari bukit. Diangguk ini mungkin barutau di kawasan swara, sebagai contoh, seseorang mungkin mencari mangsa secara sambar lalu Anda akan tahu di mana hendak mendapatkan bukit," katanya.

Tambahnya, draft undang-undang Keselamatan Dalam Tolak sudah dituluskan pada Desember 2024 dan kita hanya menunggu prosedur untuk diundangkan. —UJIAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kepala Kanak-kanak Dua Tahun Tersepit Pada Besi Penghadang

🕒 03/07/2025 03:52 PM



Kredit JBPM

NIBONG TEBAL, 3 Julai (Bernama) -- Seorang kanak-kanak perempuan dua tahun menahan kesakitan kira-kira 10 minit selepas kepalanya tersepit pada celahan besi penghadang di sebuah taman asuhan kanak-kanak di Taman Jawi Indah, di sini hari ini.

Mangsa dipercayai bermain di kawasan besi itu sebelum kejadian berlaku.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang John Sagun Francis berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 8.27 pagi.

"Bomba yang tiba di lokasi tujuh minit kemudian berjaya mengeluarkan kepala kanak-kanak itu daripada besi penghadang dalam keadaan selamat tanpa sebarang kecederaan serius," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata operasi melibatkan sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Nibong Tebal tamat sepenuhnya pada 8.49 pagi dan mangsa berada dalam keadaan stabil serta selamat bersama penjaga.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pemandu lori didakwa lakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandung

03 Julai 2025, 5:28pm



Foto hiasan

SEREMBAN: Seorang pemandu lori didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandungnya pada Februari dan Mei lalu.

Tertuduh berusia 46 tahun itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah, di hadapan Hakim Datin Surita Budin.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal bagi maksud seksual terhadap anak perempuannya berusia 11 tahun ketika itu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792), yang boleh dihukum bawah Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal membabitkan kontak fizikal bagi maksud seksual terhadap mangsa sama, mengikut Seksyen 14(d) Akta 792 yang boleh dihukum bawah Seksyen 14 dan dibacakan bersama Seksyen 16(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan bawah Seksyen 14 Akta 792, boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat, manakala bawah Seksyen 16(1) akta sama pula boleh dipenjarakan tidak lebih lima tahun dan minimum dua sebatan.

Tertuduh didakwa melakukan semua kesalahan di sebuah rumah di Bandar Springhill, Lukut, Port Dickson.

Mahkamah membenarkan ikat jamin sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan dengan syarat tertuduh perlu melapor diri setiap bulan, tidak mengganggu saksi, menyerahkan pasport kepada mahkamah serta memberi kerjasama kepada polis sekiranya diperlukan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 15 Ogos depan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa didakwa lakukan amang seksual, seks luar tabii terhadap anak 12 tahun



NORHASPIDA YATIM

Follow

03 Julai 2025 08:09pm



Seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun dipercayai menjadi mangsa amang seksual bapanya sendiri pada April lalu. Gambar hiasan

KUALA TERENGGANU - Seorang lelaki berusia 34 tahun dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas lima pertuduhan melakukan amang seksual dan perhubungan luar tabii terhadap anak kandungnya yang berusia 12 tahun, pada April lalu.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Nazlyza Mohamad Nazri.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan hubungan seksual terhadap mangsa yang juga anak perempuannya di dalam bilik tidur mangsa, kira-kira jam 8 pagi dan 2 pagi pada April lalu.

Bagi kedua-dua kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun, serta tidak kurang enam sebatan, jika sabit kesalahan.

Tertuduh turut berdepan pertuduhan ketiga dan kelima mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksan atas perbuatan perhubungan luar tabii.

Perbuatan itu didakwa dilakukan pada waktu tengah hari di dalam bilik air rumah mangsa, dan sekali lagi kira-kira jam 8 pagi di bilik tidur mangsa pada bulan yang sama.

Bagi kesalahan ini, tertuduh berdepan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi 30 tahun, serta boleh dikenakan sebatan.

Sementara itu, bagi pertuduhan keempat, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap mangsa, dan pertuduhan dikemukakan di bawah Seksyen 14(b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, yang memperuntukkan hukuman penjara antara 10 hingga 30 tahun serta tidak kurang enam kali sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Anith Nabilah Rusli, tidak mencadangkan jaminan diberikan bagi kesemua lima pertuduhan yang dihadapi tertuduh.

Namun, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM60,000 oleh dua orang penjamin dan menetapkan 3 Ogos depan bagi sebutan semula kes serta penyerahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bekas pelumba basikal negara didakwa amang seksual pelatih perempuan

Oleh Suraya Roslan - Julai 3, 2025 @ 11:55am



Bekas pelumba basikal lebuhraya negara, Nor Effandy Rosli mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelatih berbasikal perempuan berusia 15 tahun di sebuah stor simpanan, tahun lalu. - Foto NSTP/Suraya Roslan

AMPANG: Bekas pelumba basikal lebuhraya negara, Nor Effandy Rosli didakwa di Mahkamah Sesi di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelatih remaja perempuan berusia 15 tahun di sebuah stor simpanan, tahun lalu.

Jurulatih berbasikal, Nor Effandy, 58, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Norshila Kamarudin.

"Faham, saya tidak mengaku bersalah," katanya yang datang ditemani isteri.

Mengikut pertuduhan, bapa empat anak itu didakwa sebagai seorang yang mempunyai hubungan amanah iaitu jurulatih berbasikal telah melakukan amang seksual fizikal bagi tujuan seksual terhadap seorang remaja 15 tahun 9 bulan ketika kejadian.

Kesalahan itu dilakukan di stor simpanan basikal di medan selera di Taman Desa Keramat, dekat sini pada jam 6 petang, sekitar Jun tahun lalu.

Berikutan itu tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nadiah Malek Fauzie memohon jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin berikutan kesalahan itu membabitkan kanak-kanak bawah umur.

"Pendakwaan juga memohon syarat tambahan iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah dan tertuduh melapor diri di balai polis berdekatan," katanya.

Bagaimanapun, peguam Hamdan Hamzah yang mewakili Nor Effandy memohon jaminan RM5,000 berikutan anak guam bekerja sebagai pembantu penguat kuasa di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan pendapatan RM5,000 sebulan.

"Tertuduh masih menanggung empat anak manakala isteri tidak bekerja.

"Tertuduh bukanlah seorang yang berisiko melarikan diri berikutan selepas siasatan dilakukan dia dilepas dengan jaminan polis dan ketika pegawai penyiasat meminta dia hadir ke mahkamah, tertuduh hadir hari ini," katanya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Norshila membenarkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan.

"Tertuduh juga dilarang mengganggu atau menghubungi mangsa yang boleh menjejaskan perjalanan kes," katanya yang kemudian menetapkan 1 Ogos untuk serahan dokumen.

Untuk rekod, Nor Effandy pernah mewakili negara dalam Le Tour de Langkawi (LTdL) selama 10 tahun berturut-turut dari 1996 hingga 2005 dan pemegang pingat perak Sukan Komanwel 1998 acara 184 kilometer (km).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lesen jurulatih dituduh among seksual digantung

🕒 03 Julai 2025, 3:07pm



FOTO NSTP

KUALA LUMPUR: Seorang jurulatih berbasikal lelaki digantung lesen serta-merta oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) selepas dia dihadapkan ke mahkamah atas [pertuduhan melakukan among seksual fizikal terhadap pelatih wanita berusia 15 tahun](#).

Jurulatih terbabit yang juga bekas pelumba kebangsaan, Nor Effandy Rosli, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norshila Kamaruddin di Mahkamah Sesyen Ampang, pagi tadi.

Mengikut pertuduhan, kesalahan itu didakwa dilakukan sekitar Jun 2024 kira-kira jam 6 petang di sebuah setor simpanan basikal di medan selera Taman Desa Keramat.

Presiden PKBM, Datuk Amarjit Singh Gill dalam satu kenyataan menegaskan pihaknya memandang serius kes berkenaan dan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang salah laku membabitkan pemegang lesen dalam sukan berbasikal.

"PKBM berpegang kepada prinsip bahawa setiap individu yang terlibat dalam sukan ini berhak berada dalam persekitaran yang selamat dan bebas daripada sebarang bentuk gangguan, termasuk gangguan seksual," katanya.

Sebagai langkah mitigasi awal, Jawatankuasa Disiplin PKBM mengambil keputusan menggantung lesen tertuduh sebagai jurulatih sehingga perbicaraan selesai.

Amarjit yang juga Presiden Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) berkata, keputusan lanjut akan dibuat berdasarkan hasil keputusan mahkamah.

"Langkah ini bukan sahaja demi kepentingan mangsa, malah untuk melindungi pelatih lain yang berada di bawah seliaan tertuduh. Namun, kita tetap berpegang kepada prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah," katanya.

PKBM turut mengesahkan bahawa tertuduh bukan jurulatih pasukan kebangsaan atau mana-mana pasukan negeri, sebaliknya hanya membimbing pelumba di peringkat kelab miliknya sendiri.

Untuk rekod, Effandy pernah menyumbang pingat perak pada Sukan Komanwel 1998 menerusi acara lepas beramai-ramai elit lelaki.